

# Kolej Universiti perguruan ugama Brunei jalin hubungan dengan UMS-KAL

NST 24.6.2012 7

LABUAN: Hubungan antara Negara Brunei Darussalam dengan Wilayah Persekutuan Labuan terjalin melalui lawatan sambil belajar pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada Khamis lalu.

Rombongan seramai 48 pelajar Tahun Akhir Kolej itu diketuai oleh Pemangku Dekan yang juga Pensyarah Fakulti Pendidikan, Haji Roslan Haji Untong bersama dua lagi pensyarah.

Timbalan Pendaftar, Zamri Mohammad Tuah menyampaikan taklimat mengenai pengurusan pentadbiran dan pembangunan UMS-KAL manakala pengurusan Sekolah Perniagaan dan Keuangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) disampaikan oleh Pemangku Dekan, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki.

Pensyarah Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Nona Masnie Mohd Nistah yang mewakili Dekannya, Dr Ag Asri Ag Ibrahim menyampaikan taklimat mengenai sekolah tersebut sementara Penolong Pendaftar, Suffian Osman menyampaikan taklimat mengenai Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).



KENANGAN ... Zamri (tujuh kiri) dan Roslan (enam kiri) bersama pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang melawat UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Rombongan itu kemudian melawat Pejabat SPKAL dan tempat melihat anak bulan Ramadhan di Tingkat 13, Bangunan Menara serta menyertai aktiviti sukan berkayak di pantai Sungai Pagar.

Sambil mengucapkan terima kasih atas kunjungan pelajar kolej berkenaan, Zamri yang mewakili Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berharap lawatan itu akan mengeratkan lagi hubungan baik antara kedua-dua pihak termasuk menjalin kerjasama antara pelajar, pensyarah dan kakitangan universiti.

Beliau turut mengalau-alukan kehadiran rakyat Brunei untuk melanjutkan pelajaran di SPKAL dan SSIL selepas kehadiran pelajar antarabangsa dari China, Turki dan Tanzania.

Turut hadir Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslan Gimba,



Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu dan Pustakawan, Dg Ruhidah Raplee. -OLEH

JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my))

CENDERAMATA ...  
Zamri (dua kanan)  
menyampaikan  
cenderamata kepada  
Roslan diperhatikan  
Norazah (kiri) dan  
Nona Masnie.